ISSN 2180-3684 • Bil 04/13
KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

APRIL 2013



Tambahkan Nilai Harta Bersih Anda

Tinjauan Terhadap Pembaca RINGGIT 2012

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
فرچيتمكن اساس جاي (مليسيا) سندريان برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Tambahkan Nilai Harta Bersih Anda

Membina kekayaan adalah berkait rapat dengan penambahan nilai harta bersih, iaitu aset tolak liabiliti sama dengan nilai harta bersih, yang mungkin positif (nilai aset melebihi nilai liabiliti) atau negatif (nilai liabiliti melebihi nilai aset).

Format Membina Kekayaan

Nilai harta bersih =
Jumlah aset keseluruhan – Jumlah liabiliti (hutang keseluruhan)

Dalam topik ini, tumpuan diberikan untuk meningkatkan aset melalui Simpanan dan Pelaburan

Matlamat pelaburan anda

Apabila anda menabung secara berterusan, anda perlu membuat keputusan penting tentang cara melaburkan wang anda. Langkah pertama anda untuk melabur secara berhemat adalah dengan menetapkan matlamat pelaburan anda.

Bagaimana menetapkan matlamat pelaburan yang sesuai dengan keperluan anda?

Terdapat pelbagai soalan penting yang perlu difikirkan sebelum keputusan pelaburan dibuat. Cuba kaji soalan-soalan berikut:-

- Apakah matlamat kewangan anda? Kenapakah anda perlu menyimpan dan melabur wang?
- Berapakah jumlah wang yang perlu disimpan dan berapa pula jumlah wang yang perlu dilaburkan untuk mencapai matlamat tersebut?
- Berapakah lama wang perlu disimpan atau dilaburkan untuk mencapai matlamat tersebut?
- Berapa banyak risiko yang sanggup anda tanggung?

- Berapa banyak pulangan yang dijangkakan daripada simpanan atau pelaburan anda?
- Apakah yang sanggup anda korbankan demi mencapai matlamat ini? Contohnya menukar gaya hidup atau tabiat perbelanjaan yang sedia ada.

Ambil kira sumber pendapatan anda dan fikir bagaimana anda boleh menyimpan dan melabur secara konsisten. Matlamat kewangan dan pelaburan anda seharusnya munasabah dan boleh dicapai.

Risiko dan pulangan pelaburan

Menyimpan wang di dalam akaun simpanan atau simpanan tetap adalah pelaburan yang paling selamat. Dengan menyimpan wang di dalam akaun tetap, anda mungkin tidak dapat membina kekayaan secepat yang diinginkan. Sungguhpun pelaburan lain dapat memberi pulangan yang lebih baik, ia mempunyai risiko yang lebih tinggi, kerana kemungkinan besar pelaburan tersebut akan jatuh nilainya.

Apabila melaburkan wang, anda sememangnya mengharapkan pulangan. Kadar pulangan atas pelaburan biasanya dikira dalam peratusan tahunan. Jika membeli saham pada harga RM10 sesaham dan harga tersebut naik kepada RM10.80 selepas setahun, kadar pulangannya ialah 8%.

Pulangan sebenar pelaburan adalah selepas menolak segala perbelanjaan yang berkaitan. Sebagai contoh, jika anda membeli rumah dan kemudian menjualkannya, anda hanya dapat memastikan pulangan yang diperoleh selepas menolak kos, seperti fi guaman, komisen ejen, duti setem dan faedah pinjaman bank.

Ingat! Apabila memilih pelaburan, semakin tinggi pulangannya, semakin tinggi risikonya.

Jangan letakkan semua telur di dalam satu bakul

Jangan laburkan wang anda dalam satu jenis pelaburan sahaja. Jika apa-apa berlaku kepada pelaburan tersebut, semua wang itu akan hilang. Adalah penting untuk mempelbagai pelaburan anda.

Meletakkan wang anda dalam pelbagai pelaburan merupakan tindakan yang bijak. Buat perancangan pelaburan yang seimbang. Apabila berbuat demikian, anda boleh mengurangkan risiko kehilangan wang anda.

Cara anda melabur bergantung kepada profil pelaburan, iaitu sama ada anda seorang pelabur yang agresif, sederhana ataupun konservatif. Kebanyakan orang berada di pertengahan profil tersebut.

Jika anda merupakan pelabur yang sederhana, mungkin sebahagian besar daripada wang anda berada dalam kelas aset yang berlainan daripada dana amanah saham dan bakinya pula dalam pelaburan pendapatan tetap seperti simpanan tetap. Jumlah yang diagihkan kepada kelas aset boleh dibahagikan lagi kepada segmen berlainan seperti bon dan dana ekuiti.

Sekiranya anda pelabur yang agresif, anda mungkin akan melabur dalam pelaburan yang lebih aktif seperti pasaran saham. Tetapi sebaliknya, jika anda adalah pelabur yang konservatif, anda mungkin mempelbagai pelaburan anda dalam pelaburan yang kurang agresif seperti bon dan simpanan tetap.

Tiada dua pelaburan yang sama! Cuma anda seorang sahaja yang boleh membuat keputusan tentang pilihan yang bersesuaian serta berapa banyak wang simpanan yang akan dilaburkan dalam pelbagai jenis pelaburan yang terdapat di pasaran.

Sumber: Celik Wang, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)



Langkah Perlindungan Kewangan Diperkukuhkan Bagi Pengguna (Bahagian 1)



Setiap pengguna memerlukan ketenangan fikiran apabila mengetahui bahawa simpanan mereka di bank adalah selamat. Perlindungan insurans deposit memberikan jaminan tersebut. Di samping itu, pengguna kini boleh berasa lega mengetahui bahawa manfaat takaful dan insurans mereka juga dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).



PIDM merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan pada tahun 2005 untuk melindungi penyimpan yang mempunyai deposit di bank serta pemilik sijil takaful dan polisi insurans sekiranya berlaku kegagalan institusi ahli.

Perlindungan bagi insurans deposit

PIDM melindungi simpanan deposit anda sehingga RM250,000 bagi setiap penyimpan di setiap bank ahli. Deposit yang layak dilindungi oleh PIDM adalah akaun simpanan, akaun semasa, deposit tetap, deposit mata wang asing, serta akaun perniagaan milikan tunggal, perkongsian, praktik profesional dan syarikat.

Selain itu, akaun deposit konvensional dan Islam juga dilindungi secara berasingan sehingga RM250,000 bagi setiap penyimpan di setiap bank ahli. Had RM250,000 ini termasuk amaun prinsipal deposit dan faedah/pulangan.

Akaun yang dilindungi secara berasingan

Akaun Bersama: Akaun bersama mendapat perlindungan insurans deposit secara berasingan, asalkan rekod bank ahli menyenaraikan nama pemegang-pemegang akaun bersama. Bagaimanapun, perlindungan maksimum bagi akaun bersama ialah RM250,000 secara kolektif dan bukan RM250,000 bagi setiap pemegang akaun bersama.

Akaun Amanah: Bagi akaun amanah, benefisiari boleh mendapat perlindungan secara berasingan sekiranya pemegang amanah mengemukakan kepentingan setiap benefisiari dan amaun yang tertakluk bagi setiap benefisiari dalam rekod bank ahli. Setiap benefisiari dilindungi secara berasingan sehingga RM250,000 daripada deposit diinsuranskan bagi jenis akaun mereka yang lain.

Akaun Perniagaan Milikan Tunggal, Perkongsian atau Praktik Profesional dan Syarikat: Akaun-akaun ini juga dilindungi secara berasingan sehingga RM250,000.

Contoh

Pemegang akaun	Jenis akaun	Amaun (RM)	Dilindungi (RM)
Ahmad	Simpanan	300,000	250,000
Ahmad dan isteri	Semasa	300,000	250,000
Ahmad, isteri dan anak perempuan	Simpanan	250,000	250,000
Ahmad dan Leong & Co. (firma perundangan)	Semasa	200,000	200,000
Ahmad dan Ali Sdn. Bhd.	Semasa	50,000	50,000
Jumlah deposit		1,100,000	
Jumlah deposit yang dilindungi		1,000,000	

Jenis produk yang TIDAK layak mendapat perlindungan insurans deposit seperti deposit yang tidak boleh dibayar di Malaysia, instrumen deposit boleh niaga, deposit pembawa lain, amanah saham, stok dan saham serta produk atau akaun pelaburan berkaitan emas.

Bank-bank ahli PIDM ialah semua bank perdagangan berlesen di bawah Akta Bank dan Institusi-Institusi Kewangan 1989 dan semua bank Islam berlesen di bawah Akta Bank Islam 1983, termasuk bank-bank asing yang beroperasi di Malaysia. Keahlian adalah wajib mengikut peruntukan Akta Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Akta PIDM). Sila perhatikan tanda keahlian ini di semua pintu masuk cawangan bank ahli anda.

Sekiranya anda mempunyai simpanan deposit dalam cawangan berbeza bagi sesebuah bank ahli, amaun yang layak dilindungi akan dijumlahkan bagi tujuan perlindungan insurans deposit.

Tempat tinggal atau kewarganegaraan anda tidak menjejaskan perlindungan insurans deposit. Deposit yang disimpan di bank ahli PIDM akan dilindungi sehingga RM250,000 bagi setiap penyimpan di setiap bank ahli.

Sekiranya berlaku kegagalan sesebuah bank ahli, anda tidak perlu mengemukakan sebarang tuntutan. PIDM akan membuat pengumuman untuk memaklumkan mengenai pembayaran balik deposit yang dilindungi. Pembayaran balik deposit akan dibuat berdasarkan rekod penyimpan yang diperoleh daripada bank ahli.

Peraturan-Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011

Bank ahli sepatutnya memaklumkan kepada anda sama ada sesuatu produk deposit itu layak atau tidak layak mendapat perlindungan insurans deposit oleh PIDM sebelum anda menyimpan wang di bank tersebut. Semua produk deposit yang layak mendapat perlindungan insurans deposit terdapat dalam satu daftar senarai yang boleh didapati di bank ahli.

Keperluan ini adalah sejajar dengan Peraturan Peruntukan Maklumat Insurans Deposit 2011 bagi memastikan bank-bank ahli menyediakan kepada anda maklumat yang tepat, relevan dan terkini mengenai perlindungan insurans deposit dan perlindungan bagi produk deposit mereka.

Tiada permohonan dan tiada pembayaran

Sistem Perlindungan Insurans Deposit disediakan oleh PIDM secara automatik dan tidak memerlukan sebarang permohonan. Penyimpan deposit juga tidak dikenakan bayaran bagi perlindungan yang disediakan oleh PIDM.

*Untuk maklumat lanjut mengenai sistem perlindungan ini, sila hubungi talian maklumat bebas tol PIDM 1-800-88-1266 (Isnin hingga Jumaat dari 8.30 pagi hingga 5.30 petang), atau e-mel kepada **info@pidm.gov.my**, atau layari laman sesawang PIDM di **www.pidm.gov.my***

Sumber: Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)





Tip Pengguna Mengenai Isu Perbankan

Baca terma dan syarat perjanjian dengan teliti

Anda perlu membaca dan memahami terma serta syarat perjanjian sesuatu produk, sama ada berkaitan pinjaman atau pelaburan terlebih dahulu, sebelum menandatangani sebarang dokumen yang berkaitan.

Tanggungjawab sebagai penjamin

Anda perlu memahami tanggungjawab dan kewajipan anda sebagai penjamin. Sebagai penjamin, anda terikat secara undang-undang untuk membayar balik pinjaman sekiranya peminjam tidak menjelaskan pinjaman tersebut.

Pendedahan maklumat kewangan

Jangan mendedahkan maklumat kewangan anda, seperti nombor akaun, nombor kad kredit, kata laluan akaun dan sebagainya kepada pihak ketiga sama ada melalui telefon, e-mel atau mana-mana pautan di laman sesawang.

Transaksi di mesin ATM

Jangan membenarkan pihak ketiga melakukan transaksi di mesin ATM bagi pihak anda, walaupun orang yang dikenali seperti pasangan anda.

Transaksi kad kredit

Kad kredit hendaklah digunakan sebagai kemudahan membuat bayaran dan digunakan mengikut kemampuan. Selepas sebarang transaksi menggunakan kad kredit, pastikan jumlah yang dimasukkan adalah betul dan pastikan kad kredit yang dipulangkan adalah kepunyaan anda.

Penyerahan dokumen

Berwaspada sebelum menyerahkan salinan kad pengenalan atau pasport kepada pihak ketiga selain daripada institusi kewangan atau peguam-peguam yang bertindak bagi pihak anda.

Kemudahan perbankan internet

Jangan terpedaya untuk membuka akaun kemudahan perbankan internet hanya untuk membolehkan anda menerima hadiah atau hadiah warisan daripada mana-mana pihak yang tidak dikenali. Ini merupakan satu cubaan penipuan! Jika anda telah berbuat demikian, segera hubungi dan laporkan kepada bank anda dan pihak polis untuk tindakan lanjut serta maklumkan kepada Bank Negara Malaysia.

Fungsi "memory cache"

Sila pastikan anda log keluar *(log-out)* secara sempurna selepas selesai menggunakan perbankan internet dan padamkan *"memory cache"* selepas sebarang transaksi dilakukan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Takaful Motor (Bahagian 1)



Takaful motor memberikan perlindungan terhadap kerugian atau kerosakan kenderaan sendiri akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan; dan/atau kecederaan tubuh badan atau kematian pihak ketiga, kerosakan atau kerugian harta benda pihak ketiga.

Di Malaysia, perlindungan terhadap risiko pihak ketiga diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Menjadi satu kesalahan bagi seseorang individu menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan individu lain menggunakan kenderaan bermotor tanpa perlindungan yang sewajarnya.

Jenis perlindungan

Secara amnya, terdapat dua jenis perlindungan di bawah pelan takaful motor:-

1) **Pihak ketiga** – memberikan anda perlindungan terhadap kematian, kecederaan tubuh badan dan/atau kerosakan harta benda pihak ketiga.
2) **Komprehensif** – memberikan perlindungan terhadap kematian, kecederaan tubuh badan dan/atau kerosakan harta benda pihak ketiga; serta kerugian atau kerosakan ke atas kenderaan anda akibat kebakaran, kecurian atau kemalangan.

Siapakah pihak ketiga?

Pihak ketiga ialah individu lain yang mengalami kecederaan atau menanggung kerugian atau kerosakan akibat kemalangan yang melibatkan kenderaan anda. Contohnya pejalan kaki, pemandu lain atau penumpang yang berada di dalam kenderaan lain.

Pihak pertama ialah anda sebagai pemilik kenderaan dan pihak kedua ialah pengendali takaful.

Berapakah jumlah perlindungan yang patut diambil?

Pastikan jumlah perlindungan yang diambil di bawah sijil takaful motor menggambarkan nilai pasaran kenderaan anda. Sekiranya jumlah perlindungan kurang daripada nilai pasaran, syarat purata akan diguna pakai apabila tuntutan dibuat. Syarat purata merupakan penalti kerana perlindungan terkurang untuk kenderaan anda. Perlindungan terkurang untuk kenderaan bermakna jumlah perlindungan yang diambil kurang daripada nilai pasaran kenderaan semasa kejadian kerosakan.

Contoh:

Jumlah perlindungan	RM80,000
Nilai pasaran	RM100,000
Kerugian	RM5,000
Syarat purata	$\frac{\text{RM80,000}}{\text{RM100,000}} \times \text{RM5,000}$ = RM4,000

Di dalam kes ini, pengendali takaful hanya akan membayar sebanyak RM4,000 dan anda perlu menanggung perbezaan kerugian sebanyak RM1,000.

Apakah "diskaun tanpa tuntutan" atau *no claim discount* (NCD)

Ia boleh diklasifikasikan sebagai insentif kepada anda kerana tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh penyertaan pelan takaful motor. Diskaun

ini diberikan mengikut skala berikut apabila anda memperbaharui sijil anda.

Tempoh takaful	Diskaun
Selepas satu tahun	25%
Selepas dua tahun	30%
Selepas tiga tahun	38 1/3%
Selepas empat tahun	45%
Selepas lima tahun dan ke atas	55%

NCD boleh dipindahkan kepada pengendali takaful/ syarikat insurans lain atau kenderaan milik anda yang lain.

Pembatalan sijil

Anda boleh membatalkan sijil penyertaan anda dengan menghantar notis 14 hari secara bertulis kepada pengendali takaful dan anda perlu menyerahkan sijil motor dan sijil takaful bagi tujuan pembatalan. Dengan pembatalan tersebut, anda berhak untuk mendapat balik caruman yang belum luput sepanjang tempoh takaful secara pro rata.

Ekses

Ekses ialah kerugian yang anda perlu tanggung sebelum pengendali takaful membayar baki tuntutan anda. Dengan perkataan lain, jumlah ekses akan ditolak sebelum pembayaran dibuat. Contohnya, jika jumlah ekses ialah RM1,000 dan jumlah tuntutan ialah RM1,500, pengendali takaful hanya akan membayar sebanyak RM500 kepada anda.



Bebanan (*'Loading'*)

Pengendali takaful boleh mengenakan nilai bebanan ke atas caruman bagi memastikan jumlah yang dikenakan adalah setara dengan risiko yang akan anda hadapi. Faktor bebanan yang sering diguna pakai ialah umur pemandu, ciri-ciri kehemahan pemandu, kapasiti enjin, tuntutan lepas yang tertentu bagi sesuatu kenderaan dan kenderaan yang dipulih semula.

Indemniti

Perlindungan takaful yang diberikan akan menggantikan kerugian anda, dengan meletakkan anda dalam kedudukan kewangan yang sama seperti sebelum berlaku kerugian. Anda tidak boleh membuat keuntungan daripada tuntutan takaful motor.

Pembaikan

Pembaikan berlaku apabila, semasa memperbaiki sesuatu kenderaan, alat ganti sesuatu kenderaan yang lama akan digantikan dengan alat ganti francais yang baru. Contohnya, bampar yang lama akan digantikan dengan yang baru. Oleh itu, anda dikehendaki menanggung perbezaan harga antara bampar yang lama dengan yang baru, selaras dengan prinsip indemniti. Ini kerana caruman anda adalah berdasarkan jumlah perlindungan. Amaun ini sebaliknya bergantung kepada nilai kenderaan anda, yang pada kebiasaannya lebih rendah daripada yang baru.

Pampasan bagi masa pembaikan sebenar

Sekiranya anda mengalami kemalangan dan anda membuat tuntutan pihak ketiga terhadap sijil seseorang individu lain yang menyebabkan kemalangan, anda boleh menuntut pampasan bagi masa pembaikan sebenar kenderaan anda. Pampasan bagi masa pembaikan sebenar ini termasuk kos perjalanan alternatif atau menyewa kenderaan lain (yang sama jenis dan kapasiti enjin). Tempoh masa pembaikan sebenar ini berdasarkan cadangan hari yang diperlukan untuk memperbaik kenderaan anda seperti yang dinilai oleh pelaras kerugian bebas. Pengendali takaful, atas budi bicara mereka, boleh menambah tempoh tanggung selama tujuh hari bekerja bagi kelewatan yang tidak diduga atau yang tidak dapat dielakkan.

Sumber: infoinsurans



Perkhidmatan Masa Hadapan

Aduan tentang perkhidmatan masa hadapan *(future services)*, terutamanya berkenaan dengan Pusat Kecergasan, merupakan antara aduan yang paling banyak diterima oleh Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) dalam tempoh tiga tahun berturutan. Antara jenis aduan yang sering diterima adalah berkenaan dengan mutu perkhidmatan, layanan kakitangan, kandungan kontrak yang tidak jelas dan pembatalan kontrak. Walau bagaimanapun, aduan NCCC lebih tertumpu kepada pembatalan kontrak kerana kebanyakan aduan adalah berkenaan pengadu tidak dibenarkan membatalkan kontrak mereka.

Kebanyakan pusat kecergasan di Malaysia mengendalikan pusat mereka dengan hanya memberi perkhidmatan kepada ahli. Bagi menggunakan perkhidmatan di pusat kecergasan, pengguna perlu menandatangani satu kontrak untuk satu tempoh sekurang-kurangnya 1 tahun. Apabila pengguna telah terikat dengan kontrak, kebiasaannya mereka tidak dibenarkan untuk menamatkan kontrak yang telah ditandatangani. Pengguna pula terpaksa membuat bayaran bulanan / tahunan sama ada perkhidmatan tersebut digunakan atau tidak.

Berdasarkan kes yang diterima di NCCC, pengguna tidak dibenarkan untuk membatalkan kontrak mereka sebelum tamat tempoh kontrak. Dalam sesetengah kes, walaupun pengguna dibenarkan menamatkan kontrak, mereka masih dikenakan bayaran untuk tempoh kontrak tersebut. Lebih-lebih lagi apabila pengguna tersebut membuat bayaran auto-debit melalui kad kredit. Dalam situasi sebegini, NCCC menyeru mangsa kes sedemikian membuat aduan kepada NCCC dan NCCC akan membuat representasi bagi pihak pengadu.

Dalam kes sedemikian, Seksyen 17 di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999 membenarkan pengguna untuk menamatkan kontrak masa hadapan. Terdapat dua perkara yang diterangkan di bawah seksyen ini:

i) Pengguna boleh menamatkan kontrak masa hadapan dengan syarat mereka harus melangsaikan jumlah bayaran bagi perkhidmatan telah digunakan.

ii) Bagi perkhidmatan yang masih belum pernah digunakan pula, pengguna boleh menamatkan kontrak tersebut. Tetapi pengendali dibenarkan untuk mengenakan 5% bayaran daripada keseluruhan jumlah asal kontrak. Sebagai contoh, pusat kecergasan mengenakan bayaran sebanyak RM2,400 untuk tempoh setahun. Pengguna ingin membatalkan kontrak selepas 4 bulan tanpa menggunakan perkhidmatan tersebut. Pengendali pusat boleh mengenakan bayaran sebanyak 5% daripada RM2,400, iaitu RM120. Manakala, lebihan daripada 5% tersebut hendaklah dipulangkan kepada pengguna jika bayaran telah dibuat. Kes di atas merujuk kepada pembayaran yang dibuat secara ansuran.

Dalam hal ini, pengguna harus memastikan bahawa niat mereka untuk membatalkan kontrak perlu dimaklumkan kepada pengendali pusat. Ini adalah untuk mengelakkan pengguna dari terus dikenakan sebarang bayaran.

NCCC telah menyelesaikan banyak kes tentang perkhidmatan pusat-pusat kecergasan. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes yang tidak dapat diselesaikan, maka pihak NCCC akan merujuk kes kepada Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my.

Ruangan Masalah Kewangan Anda



Saya mempunyai masalah kewangan yang sangat kritikal. Saya mempunyai pinjaman kereta di bank Y dan perlu membayar RM600 sebulan dan pinjaman peribadi berjumlah RM5,000 dengan bank X. Saya sudah lama tidak membayar pinjaman peribadi ini.

Dalam masa yang sama, saya juga telah membuat pinjaman dengan Ah Long sebanyak RM24,000. Saya perlu membayar secara ansuran sebanyak RM1,200 sebulan (bayaran bunga sahaja). Oleh sebab saya terpaksa membayar pinjaman Ah Long kerana bimbang kesannya jika tidak membayarnya, maka saya menangguhkan dahulu bayaran pinjaman dengan bank-bank lain. Gaji saya hanya RM2,300 sahaja dan saya juga memerlukan wang untuk keperluan lain seperti makan dan minum.

Saya ingin meminta pendapat tuan, bagaimana untuk saya menyelesaikan masalah kewangan ini. Terima kasih.

Pengguna Runsing

Jawapan:

Bagi pinjaman kereta dan pinjaman peribadi, anda harus berunding dengan bank berkenaan untuk memohon penstrukturan atau penjadualan semula pinjaman yang bersesuaian dengan kedudukan aliran tunai anda. Namun demikian, sekiranya anda masih gagal mencapai persetujuan dengan bank berkenaan berhubung cadangan pembayaran balik pinjaman, anda adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK). AKPK merupakan sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kewangan dan nasihat serta program pengurusan kredit. Perkhidmatan yang ditawarkan oleh AKPK adalah percuma. Anda boleh mengunjungi AKPK yang terdekat dengan membawa penyata gaji, penyata terkini pinjaman sewa beli kereta serta pinjaman peribadi dan juga laporan kredit dari Bank Negara Malaysia untuk penilaian kedudukan kewangan dan tindakan selanjutnya.

Manakala, pinjaman dengan Ah Long adalah tidak tertakluk di bawah Akta Peminjam Wang 1951 kerana ia tidak berlesen. Risiko pinjaman Ah Long adalah di bawah tanggungjawab peminjam sendiri. Sekiranya terdapat ugutan atau ancaman daripada pihak Ah Long, anda boleh membuat aduan kepada pihak polis.

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada **ringgit@crrc.org.my**

atau menulis kepada

Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 1D-1 Bangunan SKPPK, Jalan SS 9A/17,
47300 Petaling Jaya, Selangor

Tabung Kecemasan





Menabunglah untuk kegunaan kecemasan

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

ANDA MUNGKIN KEHILANGAN WANG ANDA!

Bank Negara Malaysia ingin mengingatkan orang ramai bahawa terdapat skim pengambilan deposit dan pelaburan haram yang kononnya menjanjikan pulangan yang lumayan buat pelabur.



Skim tersebut mengajak anda melabur dalam logam berharga seperti emas, perak atau pelaburan berkaitan dengan ternakan, tanah, komoditi dan pertukaran asing

Sesetengah daripada penganjur skim terus mengumpan pelabur dengan janji belian balik

Anda ditawarkan pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang pendek

Skim-skim tersebut dikatakan sebagai sah dan tidak mempunyai sebarang risiko

BERWASPADALAH!

Skim-skim tersebut mungkin merupakan satu lagi 'skim cepat kaya' atau dipanggil 'skim Ponzi'.

Wang yang anda laburkan mungkin digunakan untuk membayar 'pulangan lumayan' kepada pelabur lain.

Skim-skim sebegini adalah haram dan merupakan suatu penipuan. Anda mungkin kehilangan wang anda.

Sekiranya anda ragu-ragu, sila hubungi kami.

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Khidmat Pelanggan)
1-300-88-5465
Faksimile: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada 15888

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching **(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)**

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my